

1. (a) Kira panjang Sungai Kimba di barat laut peta hingga Kg. Jeti. Skala peta ialah 1:50 000

[1 markah]

(b) Nyatakan rujukan empat grid bagi ciri-ciri geografi berikut.

(i) Sekolah di Kg. Lumpur: _____

(ii) Bukit Jarum: _____

[2 markah]

(c) Apakah kemudahan sosial yang terdapat di Kg. Nylur?

[2 markah]

(d) Apakah agama yang mungkin dianuti oleh penduduk di kampung berikut?

(i) Kg. Jeram: _____

(ii) Kg. Lumpur: _____

[2 markah]

(e) Apakah kegiatan ekonomi utama penduduk di timur peta?

Kebanyakan penduduk di kawasan timur peta bekerja sebagai _____. Ini kerana terdapat tanaman seperti _____ dan kelapa sawit. Sebahagian penduduk bekerja sebagai _____ buah kelapa sawit

getah

pemungut

petani

[3 markah]

(f) Jelaskan pandang darat budaya yang terdapat dalam peta.

Pandangan darat budaya yang terdapat dalam peta ialah _____ termasuk penanaman getah, padi dan kelapa sawit. Selain itu, terdapat juga _____. Bangunan yang dibina ialah sekolah serta _____ seperti masjid, kuil dan tokong. Terdapat juga _____ dan jalan raya.

petempatan

jambatan

rumah ibadat

pertanian

[4 markah]

(g) Bagaimanakah bentuk muka bumi mempengaruhi pembangunan di kawasan peta?


Bentuk muka bumi yang terdapat dalam peta ialah _____. Tanah pamah merupakan kawasan yang paling sesuai untuk menjalankan aktiviti _____. Antara pembangunan yang sesuai dijalankan di kawasan tanah pamah ialah petempatan dan pertanian. _____ yang sesuai dibangunkan ialah sekolah dan rumah ibadat.

pembangunan


Petempatan

tanah pamah

Rajah di bawah menunjukkan kejadian air pasang surut.



Air pasang dan air surut



Kesan tarikan graviti antara bumi dan bulan terhadap kejadian pasang surut

2. (a) Jelaskan kejadian pasang surut.

Kejadian pasang surut berlaku sebanyak [] sehari dalam tempoh 24 jam. Kejadian ini terjadi disebabkan tarikan [] di antara bumi dengan bulan atau bumi dengan []. Daya tarikan graviti [] yang kuat akan menarik air di permukaan bumi yang menghadap bulan.

matahari

graviti

bulan

dua kali

[2 markah]

(b) Terdapat dua jenis pasang surut. Jelaskan kejadian bagi kedua-dua jenis tersebut.

Dua jenis pasang surut. Pasang [] atau air pasang besar berlaku apabila bulan, bumi dan matahari berada pada satu []. Pasang [] pula berlaku apabila bulan, matahari dan bumi berada pada sudut [].

garisan lurus

anak

tegak

perbani

[4 markah]

(c) Kejadian air pasang boleh menyebabkan banjir kilat. Apakah langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah tersebut?

Terdapat beberapa langkah untuk mengatasi banjir kilat kerana kejadian air pasang. Sistem [] perlu dibaiki. Setiap pembangunan yang dibuat memerlukan sistem perparitan yang []. Rancang pembangunan supaya bangunan tidak dibina []. Hujan yg lebat dalam masa 2 hingga 3 jam akan menyebabkan air bertakung dan terjadi []. Perparitan yang baik dapat mengalirkan air serta mengatasi masalah banjir kilat.


banjir kilat

rapat-rapat

perparitan

sistematik

Rajah di bawah menunjukkan amalan pengangkutan lestari.



3. (a) Apakah kebaikan amalan di atas?

Kebaikan amalan tersebut ialah dapat mengurangkan [] kenderaan di jalan raya serta mengurangkan [] lalu lintas. Selain itu, pelepasan gas [] juga akan dikurangkan.

karbon dioksida

bilangan

kesesakan

[2 markah]

(b) Nyatakan amalan pengangkutan lestari selain dari amalan di atas.

Selain dari amalan di atas amalan pengangkutan lestari yang boleh diamalkan ialah penggunaan kenderaan [] dan penggunaan kereta []

awam

hibrid

[2 markah]

(c) Jelaskan kepentingan amalan pengangkutan lestari.

Antara kepentingan amalan pengangkutan lestari ialah dapat mengurangkan kos []. Selain itu, dapat mengurangkan [] lalu lintas. [] pengangkutan awam juga dapat ditingkatkan. Pelepasan bahan [] ke udara juga dapat dikurangkan serta dapat meminimumkan kemusnahan flora dan fauna.

keselamatan

kesesakan

bahan api

pencemar

[3 markah]

(d) Bagaimanakah cara mendidik masyarakat untuk menggalakkan amalan di atas?

Cara mendidik masyarakat untuk menggalakkan amalan di atas ialah dengan menjalankan [] kesedaran. Kebaikan amalan ini boleh disiarkan di []. Sistem perhubungan juga perlu ditingkatkan. Contohnya dengan [] sistem jalan raya supaya pengguna lebih selesa. Sistem perhubungan yang baik amat penting agar dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas.

media massa

membaiki

kempen

[3 markah]